

1. KEHIDUPAN BERAGAMA MASYARAKAT JOHOR.

Ahli-ahli Sejarah telah mencatatkan bahawa Negeri Johor adalah sebahagian daripada Melaka dan kedua-duanya mempunyai hubungan yang erat. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya Johor telah menerima Islam secara tidak langsung dari kesultanan Melayu Melaka. Ini terbukti dengan penemuan kubur Sultan Alauddin Riayat Shah<sup>1</sup> yang telah memerintah Melaka (822H/1477M - 894H/ 1549M) di Ulu Pagoh Muar.<sup>1</sup>

Walaupun bagaimanapun penyebaran Islam di Johor pada awalnya dilakukan oleh Sultan Abdul Jalil Riayat Shah V yang memerintah pada tahun 1111H/1699M - 1131H/1718M.<sup>2</sup> Ini kerana sudah menjadi kebiasaan masyarakat Melayu apabila pemerintah memeluk Agama Islam secara langsung rakyat akan mengikutnya. Oleh itu di samping meluaskan jajahan raja juga bergiat menyebarkan agama Islam di kalangan rakyat. Baginda telah mendirikan masjid-masjid dan surau-sarau untuk mendirikan sembahyang berjemaah.

Masjid-masjid dan surau-sarau pada masa itu selain daripada berfungsi sebagai tempat beribadat, ia juga digunakan sebagai pusat

---

<sup>1</sup> Abdul Ghani Md. Hassan, Kerajaan Melayu Johor Dalam Perkembangan Islam Di Gugusan Pulau-Pulau Melayu 1511 - 1824, UKM 1986, m.s. 61.

<sup>2</sup> *ibid.*, m.s. 73.

perkembangan ilmu agama. Para ulamak biasanya memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam di Johor. Memandangkan pengajian agama pada masa itu merupakan pelajaran yang dominan maka tidak hairanlah ianya mendapat perhatian yang besar daripada masyarakat.

Situasi kehidupan bermasyarakat di Johor turut melancarkan lagi perkembangan ilmu agama di negeri ini, masyarakat telah memberikan sambutan yang menggalakkan kepada para ulamak. Di samping dianggap alim dalam hal-hal keagamaan, masyarakat juga memandang para ulamak sebagai manusia berkat dan mulia, oleh itu ramai di kalangan mereka yang mendekatkan diri dan mencurahkan bakti kepada para ulamak tersebut.<sup>1</sup>

Sehingga hari ini masih kedapatan segelintir masyarakat yang berfahaman begitu. Biar pun fahaman sekular telah meresap masuk dalam masyarakat, namun sanjungan terhadap alim ulamak masih mendapat tempat di hati mereka. Masyarakat Johor masih lagi menghadiri majlis-majlis agama di masjid-masjid dan surau-sarau juga di tempat-tempat perhimpunan. Di tempat-tempat ini mereka mendengar kuliah-kuliah atau ceramah-ceramah agama dari guru-guru dan ulamak-ulamak di sekitar Negeri Johor..

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Ustaz Abdul Latif Awang, pada 24. 10. 1989..

## 2. FAKTOR MASYARAKAT TERPENGARUH DENGAN AJARAN SESAT.

Mengikut kajian yang telah dilakukan, penulis dapati kegiatan ajaran sesat di Johor bukan sahaja bertumpu di kawasan-kawasan luar bandar sebaliknya terdapat juga di kawasan-kawasan bandar. Ini kerana di antara faktor utama berkembangnya fenomena ini ialah kurangnya pengetahuan agama di kalangan masyarakat. Oleh itu mereka tidak mempunyai keimanan yang kukuh untuk dijadikan benteng dari terpengaruh dalam ajaran ini. Mereka mudah percaya dengan hujjah-hujjah menarik dari guru-guru ajaran sesat.<sup>1</sup>

Di samping itu kepercayaan kepada kuasa ghaib sebagai salah satu asas keimanan juga telah memudahkan lagi guru-guru ajaran sesat mempengaruhi masyarakat. Mereka telah memutarbelitkan perkara-perkara ghaib berdasarkan kepada tafsiran sendiri dan menghubungkannya dengan ayat-ayat Al-Quran dan Hadith.<sup>2</sup>

Kelemahan dalam Bahasa Arab juga salah satu punca masyarakat mudah terpengaruh dengan guru-guru ajaran sesat yang bertanggungjawab menyebarkan ajaran ini. Penguasaan terhadap Bahasa Arab adalah penting untuk mempelajari ilmu agama, terutamanya di bidang tasawuf.

---

<sup>1</sup> ibid.

<sup>2</sup> Jusoh Mamat, Implikasi Ajaran Sesat Dan Cara Mengatasinya, Siri al-Naim, Jabatan Halehwal Agama Islam Kelantan, Kota Bharu, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 1986, m.s. 11.

Kelemahan masyarakat dalam pengetahuan Bahasa Arab diambil kesempatan oleh guru-guru tersebut untuk menunjukkan kealiman dan kewarakan mereka dalam menyampaikan ajarannya. Mereka juga pandai mengeluarkan fakta-fakta logik yang boleh diterima oleh akal dalam berhujjah.

Faktor lain yang mendorong kepada perkembangan ajaran sesat terletak pada masyarakat sendiri. Terdapat di kalangan mereka yang melakukan kesilapan dalam memilih guru-guru yang benar-benar ahli dalam hal ehwal keagamaan. Oleh kerana mereka mahu beroleh ganjaran baik di akhirat nanti tanpa meninggalkan kesenangan duniawi, mereka mudah terpengaruh dengan guru-guru yang kononnya mengajarkan ilmu agama. Ini kerana guru-guru tersebut biasanya menafsirkan ayat-ayat Al-Quran dan Hadith menurut kehendak hawa nafsu untuk disesuaikan dengan kesenangan dunia.

Di samping itu terdapat juga di kalangan masyarakat yang terlibat mereka yang mempunyai keinginan untuk cuba memahami ilmu-ilmu tasawuf sedangkan mereka tidak mempunyai asas pengetahuan yang cukup untuk mempelajari ilmu yang sukar ini. Untuk itu mereka mempelajarinya dari guru-guru yang tidak mempunyai kitab-kitab atau rujukan tertentu sebagai sandaran kepada butir-butir pengajarannya.<sup>1</sup> Dengan itu berlaku lah beberapa penyelewengan tanpa disedari.

---

<sup>1</sup> ibid.

Selain daripada itu adanya sifat yang sukar dihapuskan di kalangan orang Melayu ialah "ta<sup>C</sup>asub" dan menyanjung tinggi kepada seseorang yang dianggap alim juga menyebabkan ajaran sesat sukar diben-teraskan kerana kedua-dua sifat ini mendorong mereka untuk bertaqlid. Orang bertaqlid buta akan mengubah pendapat mereka menurut aliran yang dianuti. Mereka tidak mempunyai "istiqamah" dengan sesuatu kepercayaan, taqlid seperti ini akan membawa mereka kepada kesesatan hingga akhir nanti.<sup>1</sup>

• Begitu juga akibat bersikap terlalu perkauman atau "ta<sup>C</sup>asub" dan sanjungan tinggi yang diberikan oleh para pengikut ajaran sesat kepada gurunya membawa kepada kesesatan dan penyelewengan daripada aqidah yang sebenar. Mereka ini biasanya menerima bulat-bulat setiap perkataan yang keluar dari mulut guru-guru mereka walaupun salah dan setiap yang diperintahkan dituruti tanpa banyak soal. Inilah kekeliruan-kekeliruan yang wujud di kalangan segelintir masyarakat Islam, pengikut ajaran salah yang membawa mereka kepada kesesatan.

### 3. BAHAYA AJARAN SESAT.

Menjelang akhir abad kedua puluhan ini, terdapat beberapa ajaran sesat yang lahir secara senyap-senyap dalam masyarakat Islam di Malaysia. Walaupun jumlah pengikutnya tidak ramai namun sudah cukup

---

<sup>1</sup> Asy-Syeikh Mohammad al-Ghazaly, terj. H. Muammal Hamidy, Bukan Dari Ajaran Islam, PT. Bina Ilmu, Surabaya, 1982, m.s. 12.

untuk memberikan ancaman yang besar kepada keutuhan umat Islam di masa hadapan. Ianya merupakan satu halangan besar kepada perkembangan dan dakwah Islamiah di Malaysia. Ia berkembang seiring dengan ajaran Islamiah dan boleh mempengaruhi mereka yang belum memahami Islam dengan sepenuhnya.

Kegiatan ajaran sesat yang semakin menjadi-jadi dewasa ini boleh menyelewengkan kaum muslimin daripada aqidah Islam serta mengguncangkan keimanan dan perpaduan umah. Penglibatan seseorang dalam ajaran sesat menyebabkan mereka menjadi murtad, melakukan perkara-perkara yang membawa kepada kufur dan syirik kepada Allah.

Pengabdian dan penyerahan diri yang sepenuhnya kepada guru ajaran sesat yang dianggap mursyid adalah suatu perbuatan syirik, walaupun menurut mereka inilah konsep tawakal yang wajib dilakukan. Setiap pengikut ajaran ini dikehendaki menyerahkan nasib mereka di dunia dan di akhirat hanya kepada guru mereka sahaja. Mereka percaya orang yang dianggap alim atau wali boleh mengetahui perkara-perkara "sam<sup>C</sup>iyat" (ghaib) dan mempunyai kuasa luarbiasa yang di luar kemampuan manusia biasa.

Para pengikut ajaran sesat bekerja keras membanting tulang dan beramal ibadat semata-mata kerana guru mereka bukan kerana Allah, apa sahaja masalah agama yang bersangkutan dengan masalah aqidah, dirujuk kepada guru mereka semata-mata, ini kerana mereka telah ditanam kepercayaan bahawa "guru" mempunyai hubungan langsung dengan tuhan,

oleh itu segala rahsia dan ajaranNya telah dikhabarkan kepada guru tersebut. Dengan itu mereka tidak perlu kepada ijtihad ulamak.<sup>1</sup> Memandangkan kepada fenomena tersebut nyatalah bahawa penganut ajaran sesat menolak aqidah dan syariat Islam yang sebenar.

Dalam persoalan yang berkaitan dengan syariat Islam, seperti Al-Quran, "syahādah", kenabian, sembahyang, puasa, haji, nikah-kahwin, bersuci dan lain-lainnya, mereka menyatakan ada zahir dan batinnya. Mereka mendakwa ulamak dan fuqaha Islam yang ada pada hari ini hanya mengetahui zahirnya sahaja, sebaliknya tidak mengetahui ilmu hakikat dan isi. Oleh itu hanya kumpulan ajaran sesat sahaja yang mempelajari kedua-dua ilmu ini, bagi mereka yang telah mendapat isi, kulit tidak diperlukan lagi, begitu juga mereka yang telah sampai kepada hakikat dengan sendirinya zahir syariat tidak diperlukan lagi.<sup>2</sup>

Kepercayaan inilah yang telah membawa kepada gugurnya ibadat-ibadat yang difardukan oleh Allah kepada umat Islam. Dengan itu secara otomatisnya mereka lari daripada rukun Islam dan melenyapkan kepercayaan mereka kepada keesaan Allah.

Selain daripada itu, guru-guru ajaran sesat selalu mencaci dan merendah-rendahkan para ulamak dan fuqaha Islam bertujuan untuk menyembunyikan ajaran Islam yang sebenar demi kepentingan periuk nasi

---

<sup>1</sup> al-Ghazaly, terj. Abdul Fatah Haron Ibrahim, Penyelamat Dari Kesetan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan 3, 1985, m.s. 41.

<sup>2</sup> ... bin Saleh, op.cit., m.s. 33.

oleh itu segala rahsia dan ajaranNya telah dikhabarkan kepada guru tersebut. Dengan itu mereka tidak perlu kepada ijtihad ulamak.<sup>1</sup> Memandangkan kepada fenomena tersebut nyatalah bahawa penganut ajaran sesat menolak aqidah dan syariat Islam yang sebenar.

Dalam persoalan yang berkaitan dengan syariat Islam, seperti Al-Quran, "syahādah", kenabian, sembahyang, puasa, haji, nikah-kahwin, bersuci dan lain-lainnya, mereka menyatakan ada zahir dan batinnya. Mereka mendakwa ulamak dan fuqaha Islam yang ada pada hari ini hanya mengetahui zahirnya sahaja, sebaliknya tidak mengetahui ilmu hakikat dan isi. Oleh itu hanya kumpulan ajaran sesat sahaja yang mempelajari kedua-dua ilmu ini, bagi mereka yang telah mendapat isi, kulit tidak diperlukan lagi, begitu juga mereka yang telah sampai kepada hakikat dengan sendirinya zahir syariat tidak diperlukan lagi.<sup>2</sup>

Kepercayaan inilah yang telah membawa kepada gugurnya ibadat-ibadat yang difardukan oleh Allah kepada umat Islam. Dengan itu secara otomatisnya mereka lari daripada rukun Islam dan melenyapkan kepercayaan mereka kepada keesaan Allah.

Selain daripada itu, guru-guru ajaran sesat selalu mencaci dan merendah-rendahkan para ulamak dan fuqaha Islam bertujuan untuk menyembunyikan ajaran Islam yang sebenar demi kepentingan periuk nasi

---

<sup>1</sup> al-Ghazaly, terj. Abdul Fatah Haron Ibrahim, Penyelamat Dari Keretakan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan 3, 1985, m.s. 41.

<sup>2</sup> Mohd Amin bin Saleh, op.cit., m.s. 33.

mereka. Golongan ini adalah penipu tamak haloba dan sebagainya. Dengan tersibarnya fitnah ini pengikutnya akan memandang rendah kepada para ulamak dan fuqaha dan hilanglah pengaruh mereka dalam masyarakat.<sup>1</sup>

Mengikut Dr. Fatah Haron, bahaya yang paling besar daripada kumpulan ajaran sesat ini ialah mereka menganut Islam pada zahirnya sahaja, hakikatnya mereka bukanlah penganut Islam.<sup>2</sup> Inilah golongan yang disifatkan sebagai "gunting dalam lipatan", gerakan mereka yang berselindung disebalik nama Islam boleh mengelirukan masyarakat. Umat Islam yang terpengaruh dengan golongan ini tidak sedar bahawa mereka sedang berhadapan dengan musuh Islam.

Inilah penyakit yang merosak hati masyarakat Islam sehingga terlindung dari kebenaran bahkan melihat kebenaran itu salah. Akibatnya timbul rasa benci terhadap kebenaran yang bermanfaat, sebaliknya mengagumi kebatilan yang merosak.

#### 4. KEPENTINGAN MEMERANGI AJARAN SESAT.

Untuk mempertahankan kedudukan dan kestabilan dakwah Islamiah, sewajarnya umat Islam melakukan pelbagai usaha dan cara agar ia tidak dicemari oleh unsur-unsur lain. Walaupun pada zaman kebangkitan semula Islam pada hari ini badan-badan dakwah telah tumbuh dengan banyaknya seperti "cendawan tumbuh di musim hujan", namun ia masih tidak dapat

---

ibid.

Abdul Fatah Haron, op.cit., m.s. 68.

mencapai matlamat yang dituju. Malah perkembangan ajaran sesat pula semakin meluas pengaruhnya dewasa ini. Menyedari gerakan ini boleh menyesatkan umat Islam, langkah-langkah untuk memerangi dan membantenasnya perlulah dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Sebagai umat Islam yang mengakui kebesaran Allah dan menerima syariatNya, mereka secara tidak langsung bertanggungjawab untuk menjaga kesucian agama anutannya dan sanggup berkorban apa sahaja demi keutuhan Islam. Oleh itu wajar bagi mereka memerangi orang-orang yang memerangi agama Allah. Dalam hal ini masyarakat Islam wajib memerangi kumpulan-kumpulan ajaran sesat kerana ia merupakan orang yang menentang agama Allah dan menyebabkan kerosakan dalam masyarakat, sedangkan Allah melarang hamba-hambanya melakukan kerosakan, firmanNya;

<sup>1</sup> وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya, "Dan belanjakanlah harta bendamu di jalan Allah dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik".

Allah juga telah memerintahkan umatnya supaya memerangi mereka yang tidak percaya kepada Allah dan meninggalkan syariatnya. Firman Allah;

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah, ayat: 195.

قَتَلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ  
دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ <sup>1</sup>

Maksudnya, "Perangilah orang yang tidak percaya kepada Allah dan hari kemudian, mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya dan tidak pula mereka beragama dengan agama yang benar iaitu daripada kalangan ahli-ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) sehingga mereka membayar jizyah dengan tangan mereka, sedangkan mereka orang-orang yang hina".

Memerangi ajaran sesat ini juga wajib dilakukan oleh umat Islam berdasarkan kepada sebuah ayat Al-Quran yang menjelaskan perlunya melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Allah berfirman;

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ  
الْمُفْلِحُونَ <sup>2</sup>

Maksudnya, "Dan hendaklah ada di kalangan kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma<sup>c</sup>ruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang beruntung".

Ajaran Islam perlu dibenteras demi menjaga marwah umat Islam, Allah menyuruh hambanya menghapuskan segala bentuk fitnah, yang dilakukan oleh musuh-musuh Islam. Manakala gerakan ajaran sesat pula

---

<sup>1</sup> Surah at-Taubah, ayat: 29.

<sup>2</sup> Surah Ali Imran, ayat: 104.

adalah suatu gerakan yang gemar menyebarkan fitnah, bukan sahaja terhadap golongan ulamak bahkan terhadap hukum-hukum Allah sehingga membawa kepada kehancuran aqidah umat Islam, Allah berfirman;

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ<sup>1</sup>

Maksudnya, "Perangilah mereka sehingga tidak ada fitnah dan adalah agama bagi Allah sahaja".

Berdasarkan kepada beberapa ayat Al-Quran yang telah disebutkan tadi, nyatalah bahawa kewajiban untuk memerangi ajaran sesat hingga ke akar umbinya adalah menjadi tanggungjawab seluruh umat Islam. Oleh itu, langkah-langkah yang diambil oleh JAIJ untuk membentaras ajaran salah ini menepati dengan tuntutan Islam untuk kesejahteraan umat. Bagi menjamin keberkesanan usaha JAIJ ini, kerjasama dari segenap masyarakat adalah dialu-alukan agar tembeleng ajaran sesat ini dapat didedahkan kepada pengetahuan umum.

##### 5. AJARAN SESAT YANG DIKENAL PASTI OLEH JAIJ.

Dalam usaha membentaras ajaran sesat di Johor, pihak JAIJ telah melakukan kerja-kerja mengesan beberapa ajaran yang meragukan dan disyaki membawa kesesatan. Mana-mana kumpulan yang telah disahkan mengajar dan mengamalkan ilmu salah berdasarkan kajian pihak JAIJ

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah, ayat: 193.

difatwakan oleh Lujnah Fatwa Negeri Johor sebagai ajaran sesat. Di antara kumpulan-kumpulan ajaran yang telah difatwakan sebagai sesat ialah;<sup>1</sup>

- a) Ajaran Syed Mohd Harith bin Busu, Tampoi Johor Bahru.
- b) Ajaran Tariqat Naksyabandiah Al-Aliah, Kota Tinggi, Johor.
- c) Ajaran Ilmu Al-Hak,, Kempas, Johor Bahru.
- d) Ajaran Puan Rogayah bte Abdul Rahman, Batu Pahat, Johor.
- e) Ajaran Tariqat Nur Zaman, Batu Pahat, Johor.
- f) Ajaran Taslim.

Dalam bab ini penulis akan mengulas mengenai beberapa bentuk pengajaran yang terdapat dalam ajaran-ajaran sesat tersebut. Penulis hanya akan menerangkan empat buah kumpulan ajaran sesat untuk dijadikan sebagai contoh yang menunjukkan bagaimana mereka mengajarkan ilmu yang menyesatkan umat Islam. Ajaran sesat yang dimanifestasikan di dalam kajian ini adalah yang telah difatwakan sebagai ajaran sesat oleh Ahli Jawatankuasa Lujnah Fatwa Negeri Johor. Ajaran tersebut ialah Ajaran Syed Mohd Harith bin Busu, Ajaran Tariqat Nur Zaman, Tariqat Naksyabandiah Al-Aliah dan Ajaran Ilmu Al-Hak.

---

<sup>1</sup> Sila lihat lampiran D, E dan F.

a) Ajaran Syed Mohd Harith Bin Busu.

Oleh kerana ajaran ini tidak mempunyai nama yang khusus, maka ia dinisbahkan kepada pembawa ajaran ini iaitu Syed Mohd Harith bin Busu. Beliau yang dikenali juga sebagai Syeikh Anwar, berasal dari Singapura, sejak tahun 1976 beliau bertugas sebagai pengarang kitab Sufi al-Hak, Tariqat al-Hak dan Tasawuf al-Hak. Pada tahun 1979 hasil karyanya mula diedarkan ke Berunai, Malaysia dan Singapura melalui pustaka Nasional. Syed Mohd Harith bukanlah seorang yang berpendidikan agama dan tidak mengetahui asas Bahasa Arab, beliau hanya mempelajari agama melalui seorang guru yang bernama Haji Hassan.<sup>1</sup>

Ahli Jawatankuasa Lujnah Fatwa Negeri telah menfatwakan ajarannya mengandungi penyelewengan dari segi aqidah mahupun syariat, walaupun bagaimanapun ia tidak berbentuk politik. Syed Mohd Harith telah menggunakan rumah seorang pengikutnya di No 83D, Jalan Kunang-Kunang 6, SEDC Tampoi Johor Bahru sebagai pusat untuk mengembangkan ajarannya.<sup>2</sup>

Syed Harith mendakwa, pertemuan yang diadakan setiap malam itu tidak bertujuan untuk mengajarkan ilmu agama tetapi untuk menerima hasil jualan kitab-kitab yang dijual oleh ahli-ahlinya. Walaubagaimanapun dalam setiap perjumpaan tersebut beliau sering memberikan

---

<sup>1</sup> Abdul Rahim Bin Othman, "Ajaran Syed Mohd Harith Bin Busu", Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Johor, 1984, m.s. 3.

<sup>2</sup> ibid., m.s. 2.

nasihat kepada para pengikutnya. Di antara bentuk nasihat yang diberikan seperti berikut:<sup>1</sup>

- i) Sebagai umat Islam hendaklah melakukan ibadat sembahyang.
- ii) Hendaklah menunaikan zakat.
- iii) Hendaklah melaksanakan ibadat puasa.

Dalam setiap pertemuan yang diadakan, beliau tidak lupa memberikan nasihat kepada pengikutnya supaya membersihkan jiwa, mengikis perasaan hasad dengki dan melakukan apa jua bentuk ajaran yang digalakan dalam Islam. Segala nasihat tersebut diberikan melalui percakapan tanpa membentangkan sebarang rujukan daripada Al-Quran atau Sunnah. Beliau mengajar pengikut-pengikutnya berpandukan kepada kitab "Pembukaan Kepada Yang Ghaib", karangan Sheikh Abdul Kadir Jailani<sup>2</sup> dan kitab-kitab karangannya iaitu, Sufi al-Hak, Tariqat al-Hak dan Tasawuf al-Hak. Beliau juga mengajarkan murid-muridnya tentang cara-cara mentadbir Al-Quran.

Di dalam ajarannya, beliau telah melakukan penyelewengan di sudut aqidah. Dalam buku karangannya yang bertajuk "Sufi al-Hak", beliau telah menerangkan bahawa "kejadian-kejadian baru (jasad) tidak dikembalikan kepada Allah tetapi kepada api, air, angin dan tanah."<sup>3</sup> Ini bertentangan dengan aqidah Islam yang mempercayai adanya

---

<sup>1</sup>ibid., m.s. 4.

<sup>2</sup>ibid., m.s. 32.

<sup>3</sup>ibid., m.s. 36.

hari qiamat dan semua makhluk akan dikembalikan kepada Allah S.W.T.

Allah berfirman;

1 ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ مَرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿١٦٤﴾

Maksudnya, "Kemudian kepada Tuhanmu tempat kembalimu, lalu Dia mengabarkan kepadamu apa-apa yang kamu perselisihkan".

Manakala di dalam bukunya, "Tasawuf al-Hak", beliau menjelaskan bahawa Allah adalah sebaik-baik kejadian,<sup>2</sup> kenyataan ini jelas menyeleweng dari aqidah Islam yang sebenar kerana Allah bukanlah makhluk dan tidak berhajatkan kepada sesuatu kuasa lain untuk menjadikannya, sebaliknya Allah itu bersifat sedia, tiada permulaan dan kesudahan. Allah berfirman;

3 لَّا يَلِدُ وَلَا يُولَدُ ﴿٢٠٠﴾ وَلَا يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٢٠١﴾

Maksudnya, "Dia tidak beranak dan tidak pula diperanakkan (berbapa), Dia tidak ada sesuatupun yang menyerupainya".

Dalam bukunya yang sama, Syed Mohd Harith telah menerangkan bahawa permulaan cermin itu ialah roh, sedangkan dalam Islam roh adalah satu perkara yang tidak diketahui hakikatnya kecuali Allah, firman-Nya;

4 وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

---

<sup>1</sup> Surah al-An'am, ayat: 164.

<sup>2</sup> Rahim Othman, op.cit., m.s. 35.

<sup>3</sup> Surah al-Ikhlâs, ayat: 3-4.

<sup>4</sup> Surah al-Isrâ'îl, ayat: 85.

Maksudnya, "Mereka bertanya kepada engkau tentang roh. Katakanlah: Roh itu sebahagian daripada urusan Tuhanku, kamu tiada diberi pengetahuan, melainkan sedikit".

Syed Mohd Harith juga telah melakukan kesalahan dalam menulis ayat Al-Quran dan memberikan makna yang bertentangan, di antara contohnya beliau menulis ayat;

“فَإِذَا سَوَّيْتَهُ خَفَّتْ فِيهِ مِنْ رَوْحِي”

Maknanya, "Nur zat, zahir warna Adam".

Sedangkan ayat dan makna yang sebenarnya ialah, firman Allah;

فَإِذَا سَوَّيْتَهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رَوْحِي

Maksudnya, "Maka apabila aku sempurnakan kejadian Adam dan Aku tiupkan roh ke dalam jasad Adam".

Mengenai penyelewengan dari sudut syariat pula, melalui risalah wasiatnya dan nasihat kepada para pengikutnya, beliau telah menyatakan,

"Tidak boleh sekali-kali seorang murid menentang atau menolak apa yang dikerjakan oleh syeikhnya, meskipun pekerjaan itu pada lahirnya kelihatan termasuk haram hukumnya. Ia (murid) tidak boleh bertanya apa sebab syeikhnya melakukan yang demikian itu".<sup>3</sup>

Di samping itu tuan guru juga telah mengharamkan apa yang telah dihalalkan dalam Islam sebagaimana wasiatnya,

---

<sup>1</sup> Abdul Rahim Othman, op.cit., m.s. 42.

<sup>2</sup> Syrah Saad, ayat:72.

<sup>3</sup> Abdul Rahim Othman, loc.cit., m.s. 25.

"Ia (murid) tidak boleh mengawini seorang wanita yang kelihatan disukai oleh syeikhnya yang hendak dinikahnya, begitu juga ia tidak boleh berkahwin dengan seorang perempuan bekas isteri syeikhnya, samada yang ditinggalkan (cerai) atau yang ditinggalkannya mati".<sup>1</sup>

Dalam ajarannya Syed Harith telah menegah para pengikutnya menyukai sesama makhluk, beliau menyatakan;

"Janganlah kamu merasa senang dengan makhluk dan janganlah cinta kepada makhluk".<sup>2</sup>

Berdasarkan kepada bentuk-bentuk ajaran yang terdapat dalam "Ajaran Syed Mohd Harith" ini, nyatalah berlakunya penyelewengan dari ajaran Islam yang sebenar. Melalui ajarannya secara tidak langsung beliau telah menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.

#### b) Ajaran Tariqat Nur Zaman.

Ajaran ini dibawa oleh Mohd Nasir bin Ismail yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi, berasal dari Kampuchea. Beliau dibantu oleh Lamin Chaypungor yang mengaku dirinya sebagai Nabi Isa, dari negeri yang sama.<sup>3</sup> Kedua-duanya telah datang ke Malaysia pada tahun 1975 akibat peperangan yang berlaku di negaranya. Setelah beberapa lama

---

<sup>1</sup> ibid.

<sup>2</sup> Sheikh Abdul Kadir Jailani, terj. Majid bin Hj. Khatib, Pembukaan Kepada Yang Ghaib, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. 1979, m.s. 61.

<sup>3</sup> Kamal Amir, Tragedi Batu Pahat, Utusan Publication Dan Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, m.s. 51.

berada di Kelantan beliau memeluk Agama Islam. Sikap masyarakat yang terlalu memandang tinggi kepada seseorang guru agama hingga sanggup memberikan harta benda kepadanya telah dipergunakan oleh Mohd Nasir untuk mendapatkan sumber pendapatan. Beliau telah mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi dan sahabat karibnya sebagai Nabi Isa.<sup>1</sup> Kedua-duanya mengajarkan ilmu-ilmu agama di Kelantan, setelah disingkirkan oleh pihak berkuasa Negeri Kelantan beliau melarikan diri ke Pahang kemudian ke Johor pada tahun 1979. Di Johor pusat ajarannya di rumah seorang pengikutnya Kurnain di Sri Medan, Batu Pahat, pengikutnya pada masa itu berjumlah lebih kurang dua puluh orang.<sup>2</sup>

Mohd Nasir yang mempunyai ilmu "hipotisme" atau ilmu pukau dan sihir telah mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi yang dinanti-nantikan kedatangannya untuk memerangi orang kafir kerana umat Islam sekarang sedang tertindas. Menurutnyanya, beliau telah diangkat ke langit oleh malaikat pada suatu malam ketika sedang tidur di sebuah masjid di Kota Bahru, dadanya telah dibedah dan dibawa ke langit untuk melihat syurga dan neraka serta bertemu dengan para nabi dan malaikat.<sup>3</sup>

Dalam ajarannya, beliau telah menerangkan bahawa seseorang pengikutnya adalah orang Islam yang tulen. Oleh itu ketika mengucap

---

<sup>1</sup> ibid., m.s. 61.

<sup>2</sup> ibid., m.s. 74.

<sup>3</sup> ibid., m.s. 71.

hendaklah melafazkan;

أشهد أن لا إله إلا الله موسى كلام الله

Ini bertentangan dengan lafaz dua kalimah syahadah yang diajarkan dalam Islam.

Beliau juga telah melakukan penyelewengan di sudut syariat, pengikutnya ditegah dari melakukan sembahyang Jumaat kerana mengikutnya sembahyang di rumah juga sah dan diterima oleh Allah. Menurutnyanya tidak sah sembahyang seseorang yang berimamkan mereka yang bukan anggota kumpulan Nur Zaman~~kerana~~ kerana mereka semua telah menjadi manusia munafik. Ketika hendak mengambil air sembahyang hendaklah melafazkan niat,

"Hamba minta izin dengan kudrat Allah mensucikan diri hamba zahir dan batin kerana untuk sujud kepada Allah dengan rahmat Allah "kerana Allah".<sup>2</sup>

Mengikut ajarannya, jika berlaku darurat di mana ketiadaan air mereka boleh mengambil air sembahyang secara bertayamum dengan menggunakan kain atau saputangan yang bersih dan disapukan ke muka dan kedua-dua tangan hingga ke pangkal lengan sebanyak dua kali sahaja.<sup>3</sup>

Ketika melakukan sembahyang terdapat kelainan jika dibandingkan dengan sembahyang yang sepatutnya dilakukan oleh orang Islam contoh-

---

<sup>1</sup> ibid., m.s. 6.

<sup>2</sup> ibid.

<sup>3</sup> ibid., m.s. 101.

nya lafaz niat sembahyang mereka ialah,

"Hamba sujud ya Allah fardu maghrib tiga rakaat kerana Allah", ditambah dengan kata-kata, "Hamba minta ampun salah benar maka kuasa Allah".<sup>1</sup>

Sebelum membaca fatihah dalam sembahyang hendaklah membaca ayat, "hamba minta izin membaca fatihah salah benar kalam hamba tidak cukup",<sup>2</sup> di dalam hati. Selain daripada itu dalam masa sehari semalam semua pengikutnya hendaklah membaca fatihah sebanyak empat puluh kali dan kesemuanya hendaklah dihadiahkan:

- i) 10 fatihah untuk Imam Mahdi, keluarga serta syuhadanya.
- ii) 10 fatihah untuk sahabat Imam Mahdi iaitu Nabi Isa.
- iii) 10 fatihah untuk seluruh anggota Nur Zaman yang baru dilantik.
- iv) 10 fatihah untuk seluruh ahli Nur Zaman dan keluarganya.<sup>3</sup>

Dalam syarat-syarat sah sembahyang subuh, pengikut Nur Zaman tidak dimestikan membaca al-Fatihah selepas niat sebaliknya terus sahaja membaca Qunut.<sup>4</sup> Mohd Nasir juga telah mengarahkan para pengikutnya supaya mematuhi para pemimpin mereka tidak kira dia itu orang asing atau lebih muda daripada mereka. Beliau menegaskan seseorang yang taatkan pemimpin akan dapat melalui "siratulmustakim" dengan mudah dapat masuk ke syurga tanpa "hisab" di padang mahsyar.

---

<sup>1</sup> ibid.

<sup>2</sup> ibid., m.s. 102.

<sup>3</sup> ibid., m.s. 103.

<sup>4</sup> ibid.

mengikut ajarannya, seseorang itu tidak boleh menyebut perkataan sembahyang yang membawa erti menyembah patung.

Oleh itu jika diteliti segala yang terkandung di dalam ajaran ini, nyatalah ianya bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar, dengan itu ia tertolak.

c) Ajaran Tariqat Naksyabandiah Al-Aliah.

Tariqat ini disebarkan oleh Jamain Bakri bin Basri, berasal daripada Kota Tinggi, Johor. Jamain merupakan seorang peneroka di Felda Air Tawar 4 Kota Tinggi. Beliau seorang yang berpendidikan agama dan tamat sekolah menengah Arab di Maahad Ahya' <sup>C</sup>ulūm Ad-din di Kedah. Beliau mendakwa telah memperolehi ijazah Tariqat Naksyabandiah daripada Tuan gurunya, Syeikh Mohd Yusof bin Khalifah Abbas Naksyabandiah pada tahun 1965.<sup>1</sup>

Ajaran ini berpusat di rumah Jamain Bakri sendiri, pengikutnya lebih kurang empat puluh orang, kesemuanya terdiri daripada peneroka felda dan orang-orang kampungnya yang berhajatkan kepada ajaran tariqat ini. Mereka yang mengikut tariqat ini diajarkan tentang kaedah-kaedah serta fadilat Naksyabandiah. Amalan ini dilakukan di Surau Sipak Ulu pada setiap malam Jumaat dan Selasa.

---

<sup>1</sup> Abdul Rahim bin Othman, "Ajaran Tariqat Naksyabandiah Al-Aliah", Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Johor, 1984, m.s. 6.

Dalam ajarannya, Jamain telah mengenakan syarat-syarat yang tertentu, di antaranya ialah:<sup>1</sup>

- i) Setiap orang yang berkeinginan untuk mengamalkan tariqat ini hendaklah mensucikan diri daripada hadas besar dan kecil.
- ii) Mereka hendaklah mengambil air sembahyang terlebih dahulu.
- iii) Mereka hendaklah melakukan sembahyang sunat taubat dua rakaat.
- iv) Mereka dikehendaki membaca "istighfar" sebanyak duapuluh lima kali atau seratus kali.
- v) Mereka juga hendaklah membaca ayat lazim dan doa seberapa yang boleh.

Setelah kelima-lima syarat tersebut dilaksanakan barulah beliau mengajar selok-belok amalan tariqat ini.

Mengikut ajaran ini, para pengikutnya hendaklah mengamalkan zikir yang dilakukan dengan sepuluh cara dan dinamakan "Zikir Ismu Zat" cara tersebut adalah seperti berikut:<sup>2</sup>

- i) Menghimpunkan segala pengenalan ke dalam hati sanubari mereka.
- ii) Mengingati Allah zat yang maha suci.
- iii) Membaca "istighfar" sebanyak lima belas atau dua puluh lima kali.

---

<sup>1</sup> ibid., m.s. 5.

<sup>2</sup> ibid, m.s. 6.

- iv) Menghadirkan rohani Syah Naksyabandiah ke dalam hati mereka.
- v) Membaca al-Fatihah sekali dan surah al-Ikhlâs sebanyak tiga kali serta niat menghadihkan pahala bacaan itu kepada roh Syah Naksyabandiah.
- vi) Memandang kepada "rabitah" (kumpulan tariqat ini) semasa berzikir.
- vii) Berzikir dengan cara mematikan diri serta melakukan kelakuan orang mati.
- viii) Bermunajat dengan perkataan "  
" sebanyak tiga kali.
- ix) Berzikir dengan menyebut "Allah" sebanyak sepuluh kali.

Begitulah di antara bentuk-bentuk ajaran yang terdapat dalam Ajaran Tariqat Naksyabandiah Al-Aliah yang dikembangkan oleh Jamain Bakri. Melihat kepada ajaran-ajaran tersebut terdapat ajaran yang bertentangan dengan agama Islam. Antaranya ialah menghadirkan rohaniah Syah Naksyabandiah ketika berzikir merupakan satu bentuk ajaran yang diragukan, kerana di dalam ajaran sebenar tidak boleh sama sekali menghadirkan rohani Syah Naksyabandiah yang bersifat makhluk ke dalam diri orang yang beramal dengan sesuatu amalan.<sup>1</sup> Manakala mematikan diri adalah satu perbuatan yang keterlaluan dan di luar kemampuan manusia hidup. Konsep ini bertentangan dengan firman Allah

لَا يَكُفُّ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

---

<sup>1</sup> Abdul Rahim bin Othman, op.cit., m.s. 8.

d) Ajaran Ilmu Al-Hak Dan Berzikir Secara Berkelubung.

Ajaran ini telah dibawa oleh Rabani bin Dimin,<sup>1</sup> berasal dari Batu Pahat, Johor. Beliau adalah seorang yang tidak berpendidikan agama dan hanya tamat sekolah darjah lima sahaja. Rabani yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan telah mengajar ilmu silat, kebatinan dan mengajar Fatimah serta cara mentafsirkannya kepada para pengikutnya. Pusat ajaran ini ialah rumah Ibrahim bin Timat (seorang bomoh). Para pengikut ajaran ini mengadakan majlis tahlil pada setiap malam Jumaat jam 1.30 malam. Pengikut ajaran ini seramai tiga belas orang, terdiri daripada mereka yang bertugas di sektor awam dan swasta, buruh dan di kalangan mereka yang tidak berpekerjaan, rata-rata di kalangan mereka tidak mempunyai asas pendidikan agama yang kuat.<sup>2</sup>

Dalam ajaran Ilmu al-Hak ini, penganutnya menggunakan barang-barang tertentu yang dijadikan sebagai suatu lambang,<sup>3</sup> contohnya, mereka menggunakan buluh, kononnya untuk membuang kebal. Mereka menganggap lima sarung ketupat kosong sebagai lambang sembahyang lima waktu, lembing atau cokmar sebagai pemberitahuan jenis penyakit seseorang dan anak panah kononnya untuk membuang penyakit seseorang.

---

<sup>1</sup> Abdul Rahim bin Othman, "Ilmu Al-Hak Dan Berzikir Secara Berkelubung", Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Johor, 1985 m.s. 5.

<sup>2</sup> *ibid.*, m.s. 2.

<sup>3</sup> *ibid.*, m.s. 4.

Penyelewengan dalam sudut aqidah pula, mengikut ajaran ini rukun Islam pada zaman dewa-dewa sebanyak empat belas rukun tetapi telah berkurangan menjadi tiga belas rukun pada masa kini. Menurutnyanya lagi bahawa syariat itu terjadi daripada air, tariqat itu daripada angin, hakikat itu daripada bumi dan makrifat daripada api.<sup>1</sup>

Melalui Ilmu al-Hak, Rabani telah menyamakan di antara manusia dengan Al-Quran, sebagaimana katanya, "Manusia itu Al-Quran dan Al-Quran itu "manusia".<sup>2</sup> Ini mengakibatkan berlakunya kesalahan dalam mentafsir ayat-ayat Al-Quran. Contohnya dalam Surah Al-Ikhlas beliau telah mentafsirkan seperti berikut:<sup>3</sup>

قل هو الله احد

bermakna Syaidina Abu Bakar.

الله الصمد

bermakna Syaidina Ali.

لم يلد ولم يولد

bermakna Syaidina Osman.

لم يلد ولم يولد ولم يكن له كفوا احد

bermakna Syaidina Omar.

manakala,

اعوذ بالله

bermakna ayah.

بسم الله

bermakna ibu.

الرحمن

bermakna benih ayah.

الرحيم

bermakna benih ayah campur benih ibu.

Rabani dalam ajarannya telah menerangkan bahawa sembahyang lima waktu berpandukan kepada lima jari. Sembahyang bererti menyembah

---

<sup>1</sup> ibid.

<sup>3</sup> ibid.

<sup>2</sup> ibid.

bayang-bayang Tuhan, ini kerana menurutnya "sembah" bererti suatu perbuatan menyembah dan "yang" pula bererti bayang-bayang.<sup>1</sup> Menurutya, sembahyang bermula pada zaman dewa-dewa Borobodor sebelum lahirnya Nabi Muhammad.<sup>2</sup> Penganut ajaran ini mempercayai adanya penyerahan sembahyang kepada nabi-nabi tertentu. Rabani menjelaskan semua umat Muhammad bersembahyang untuk dirinya, bukan untuk Nabi Muhammad. Penyerah sembahyang<sup>3</sup> mengikut ajaran iani ialah:<sup>4</sup>

- i) Sembahyang Subuh kepada Nabi Adam yang mula-mula sembahyang.
- ii) Sembahyang Zohor kepada Nabi Ibrahim.
- iii) Sembahyang ~~Asar~~ kepada Nabi Yunus.
- iv) Sembahyang Maghrib kepada Nabi Isa.
- v) Sembahyang Isyak kepada Nabi Musa.

Selain daripada itu, penganut ajaran ini juga mengamalkan zikir secara berkelubung dengan menggunakan kain berwarna merah, kononnya untuk menimbulkan semangat dan supaya tidak timbul perasaan takut. Beliau mendakwa, semasa melakukan amalan tersebut, mereka tidak sedar kerana roh Abu Bakar, Omar, Osman dan Ali telah meresap masuk ke dalam tubuh mereka.<sup>5</sup> Perkara-perkara tersebut merupakan penyelewengan yang terdapat dalam ajaran Ilmu al-Hak yang telah disebarkan oleh Rabani.

---

<sup>1</sup> ibid., m.s. 4.

<sup>4</sup> ibid., m.s. 6.

<sup>2</sup> ibid., m.s. 16.

<sup>5</sup> ibid.

<sup>3</sup> Penyerahan sembahyang bererti menunjukan sesuatu sembahyang kepada nabi-nabi yang tertentu.

Inilah di antara ajaran-ajaran sesat yang telah dikenalpasti oleh JAIJ yang dapat didedahkan oleh penulis dalam kajian ini. Melihat kepada ajaran, amalan dan prinsip yang terdapat dalam ajaran-ajaran tersebut, ada juga di antaranya yang tidak bertentangan dengan aqidah dan syariat Islam. Ini dapat dilihat dalam ajaran Tariqat Naksyabandiah Al-Aliyah yang sering membaca "istighfar", membaca ayat-ayat lazim, berdoa, melakukan sembahyang-sembahyang sunat dan sebagainya, di samping kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam tariqat ini seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Mencampur-adukkan antara kebenaran dan kesesatan adalah antara cara-cara yang dilakukan oleh musuh-musuh Islam untuk memusnahkan Agama Islam. Oleh yang demikian masyarakat hendaklah sentiasa berusaha untuk mengenali kegiatan ajaran sesat yang cuba menyeret umat Islam untuk menyertainya. Masyarakat seharusnya bersikap positif dan berfikiran rasional serta optimis dalam memberikan kerjasama kepada JAIJ dalam usaha membasmi ajaran sesat ini. Oleh itu dalam bab berikutnya penulis akan memaparkan pula langkah-langkah JAIJ untuk menghapuskan gerakan ajaran sesat di Negeri Johor.